



KENYATAAN MEDIA MENTERI KANAN PERTAHANAN

25 JUN 2021

MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) & PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

Pemantauan dan Penguatkuasaan SOP COVID-19 di Sektor Perkilangan dan Premis Perniagaan

Seperti yang diumumkan beberapa hari lepas, Kerajaan akan mempertingkatkan penguatkuasaan secara menyeluruh dari segi pemeriksaan ke atas kilang-kilang dan premis-premis perniagaan kerana terlalu banyak pelanggaran arahan kerajaan dan SOP yang telah diwartakan.

Secara kumulatifnya, pasukan Task Force Operasi Pematuhan telah melaksanakan 97,560 pemeriksaan dan snap check COVID-19 di seluruh negara dengan jumlah kekuatan anggota sebanyak 21,248.

Pada 24 Jun 2021, pasukan Task Force Operasi Pematuhan telah melaksanakan sebanyak 1,716 pemeriksaan ke atas kilang dan 11,417 premis perniagaan daripada jumlah itu, dua (2) kilang dan 11 premis telah diarahkan tutup.

PKPD 2 lokaliti di Tawau, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di dua (2) lokaliti di Tawau, Sabah iaitu:

- Kampung Pukat Tanjung Batu Laut
- Kampung Baru Pasir Putih

KKM telah merekodkan 12 kes positif di Kampung Pukat Tanjung Batu Laut selepas 31 individu disaring manakala di Kampung Baru Pasir Putih, sebanyak 50 ujian saringan dilakukan dan 10 daripadanya dilaporkan positif COVID-19.

Pada masa sama, KKM mengesahkan trend kes telah meningkat dan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua (2) lokaliti di Tawau, Sabah berkuat kuasa 27 Jun sehingga 10 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

PKPD 2 lokaliti di WP Kuala Lumpur

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi COVID-19 di dua (2) lokaliti di WP Kuala Lumpur melibatkan:

- Kampung Segambut Dalam, Segambut
- Jalan Kubur, Pantai Dalam

KKM melaporkan terdapat peningkatan ketara kes positif COVID-19 dalam masa yang singkat apabila sebanyak 78 kes positif direkodkan daripada 646 saringan di Kg. Segambut, Segambut. Manakala sebanyak 53 kes positif dilaporkan hasil ujian saringan ke atas 79 orang di Jalan Kubur, Pantai Dalam.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di 2 lokaliti di WP Kuala Lumpur seperti yang dinyatakan bermula dari 26 Jun sehingga 9 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM melaksanakan saringan secara bersasar ke atas penduduk yang terlibat dan seterusnya mengekang penularan COVID-19 ke kawasan lain.

PKPD 2 lokaliti di Sandakan, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di dua (2) lokaliti di Sandakan, Sabah yang melibatkan:

- Lorong 12, 15 & 16, Taman Fajar
- Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Murni

KKM mengesahkan berlaku peningkatan kes yang amat ketara dalam tempoh singkat apabila 17 kes positif telah direkodkan di Lorong 12, 15 & 16, Taman Fajar selepas 91 orang menjalani ujian saringan manakala di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Murni, 42 orang disaring dan 15 disahkan positif COVID-19.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua (2) lokaliti di Sandakan, Sabah berkuat kuasa 27 Jun sehingga 10 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memastikan penduduk yang berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan ini.

SOP bagi kesemua PKPD adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini. Maklumat lanjut boleh diakses di laman sesawang MKN di www.mkn.gov.my

Penamatan PKPD Mukim Bukit Besar dan Mukim Serada, Kuala Terengganu, Terengganu

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Mukim Bukit Besar dan Mukim Serada, Kuala Terengganu, Terengganu yang dijadualkan tamat pada 26 Jun 2021.

Sepanjang tempoh itu, KKM telah melakukan 3,374 ujian saringan dan 31 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Mukim Bukit Besar dan Mukim Serada, Kuala Terengganu, Terengganu pada 26 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah yang dijadualkan tamat pada 26 Jun 2021.

Sehingga kini, sebanyak 31 kes positif telah direkodkan di lokaliti ini hasil saringan ke atas 961 orang.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut mengesahkan terdapat penurunan dalam kes baharu dilaporkan di kalangan pelajar. Tiada kes dilaporkan kalangan warga kerja dan pekerja sokongan UUM sepanjang tempoh PKPD.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk menamatkan PKPD di Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah pada 26 Jun 2021 seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Taman Villa Felca Nambazan, Penampang, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Villa Felca Nambazan, Penampang, Sabah yang dijadualkan tamat pada 26 Jun 2021.

Sehingga 19 Jun 2021, KKM telah melakukan 18 ujian saringan dan lima (5) daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Taman Villa Felca Nambazan, Penampang, Sabah pada 26 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Kampung Kadazan, Tawau, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Kadazan, Tawau, Sabah yang dijadualkan tamat pada 26 Jun 2021.

Sehingga 19 Jun 2021, KKM telah melakukan 137 ujian saringan dan 22 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Kadazan, Tawau, Sabah pada 26 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD 2 perkampungan di Kota Kinabalu, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua (2) perkampungan di Kota Kinabalu, Sabah yang dijadualkan tamat pada 26 Jun 2021.

Kedua-dua perkampungan tersebut ialah:

- Kampung Lobou 1
- Kampung Bukit Permai

Sehingga 20 Jun 2021, KKM telah melakukan 472 ujian saringan dan 17 daripadanya disahkan positif COVID-19 di kedua-dua lokaliti tersebut.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di dua perkampungan di Kota Kinabalu, Sabah pada 26 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan Awal PKPD Kampung Skim Cocos, Kunak, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Skim Cocos, Kunak, Sabah yang dijadualkan tamat pada 29 Jun 2021.

Sepanjang tempoh itu, KKM telah melakukan 137 ujian saringan dan 12 daripadanya disahkan positif COVID-19.

Pada masa sama, KKM mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Skim Cocos, Kunak, Sabah pada 26 Jun 2021 (11.59 malam), lebih awal daripada yang dijadualkan.

Penamatan Awal PKPD Taman Puri Warisan, Kota Kinabalu, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Puri Warisan, Kota Kinabalu, Sabah yang dijadualkan tamat pada 28 Jun 2021.

Sehingga kini, KKM telah melakukan 667 ujian saringan dan 10 daripadanya disahkan positif COVID-19.

Pada masa sama, KKM mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Taman Puri Warisan, Kota Kinabalu, Sabah pada 26 Jun 2021 (11.59 malam), lebih awal daripada yang dijadualkan.

Penamatan Awal PKPD Taman Telipok Jaya, Tuaran, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Telipok Jaya, Tuaran, Sabah yang dijadualkan tamat pada 28 Jun 2021.

Dalam tempoh itu, KKM telah melakukan 346 ujian saringan dan 11 daripadanya disahkan positif COVID-19.

Pada masa sama, KKM mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Taman Telipok Jaya, Tuaran, Sabah pada 26 Jun 2021 (11.59 malam), lebih awal daripada yang dijadualkan.

Task Force Operasi Pematuhan

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 97,560 pemeriksaan semalam.

Ia melibatkan 4,706 Pasukan Pematuhan yang terdiri daripada 21,248 anggota bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Semalam, 696 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP. Daripada jumlah itu, seramai 671 individu dikompaun manakala 25 lagi direman.

Antara kesalahan direkodkan ialah:

- Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran/makan/minum di premis (163)
- Tidak memakai pelitup muka (156)
- Individu gagal merekod butiran diri/daftar masuk premis (118)
- Tiada penjarakan fizikal (107)
- Tidak patuh arahan kawalan pergerakan (58)
- Membawa penumpang berlebihan (36)
- Premis gagal patuhi arahan (13)
- Lain-lain (45)

Kawalan Sempadan Negara

Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah menangkap 25 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan merampas 14 buah kenderaan darat.

Dalam operasi itu, sebanyak 150 buah bot/kapal turut dikesan di perairan negara melalui 12 aktiviti penglihatan.

Op BENTENG melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 951 Sekatan Jalan Raya (SJR) semalam iaitu:

Op PENAWAR (ATM, PDRM dan RELA)	- 897 SJR
Op BENTENG PDRM	- 45 SJR
Op BENTENG AKSEM	- 9 SJR

Operasi Sanitasi Awam

Semalam, sebanyak 161 operasi sanitasi telah dilaksanakan di seluruh negara yang merangkumi 66 zon merah, zon jingga (3) dan zon kuning (6).

Operasi sanitasi ini melibatkan 944 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan 119 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta 164 buah jentera JBPM.

Secara kumulatifnya, sebanyak 29,107 operasi sanitasi merangkumi 157 zon dilakukan sejak 30 Mac 2020. Operasi sanitasi melibatkan pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasaraya dan bangunan kerajaan.

Kuarantin Wajib

Semalam, seramai 349 individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa dan semuanya telah dikuarantin di stesen-stesen kuarantin di seluruh negara.

Secara kumulatifnya, sejak 24 Julai 2020, seramai 233,654 individu telah pulang ke tanah air dan kesemua ditempatkan di 75 hotel dan 10 Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 7,528 individu telah dikuarantin dan 223,312 orang dibenarkan pulang manakala 2,814 lagi dibawa ke hospital.

Barang Keperluan Asas

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 745 pemantauan harian ke atas 11 jenis bekalan barangan terdiri daripada peruncit (556), pemborong (157) dan pengilang (32).

KPDNHEP juga telah melakukan 1,432 pemeriksaan khas dan daripada jumlah itu, 1,412 premis mematuhi SOP manakala 20 lagi dikenakan kompaun.

Saringan Wajib Pekerja Warga Asing

Semalam, seramai 70 warga asing telah menjalani ujian saringan dan tiada kes positif COVID-19 direkodkan.

Secara kumulatifnya, Kementerian Sumber Manusia (KSM) memaklumkan seramai 699,799 pekerja warga asing telah menjalani ujian saringan COVID-19 yang melibatkan 36,324 majikan.

Daripada jumlah itu, seramai 10,362 orang telah disahkan positif COVID-19 manakala 689,437 lagi adalah negatif. Sehingga kini, sebanyak 1,544 buah klinik telah terlibat dengan program saringan ini.

Seperti yang telah diumumkan, ujian saringan COVID-19 adalah diwajibkan kepada semua pekerja warga asing mulai 1 Februari 2021.

Amalkan “Lockdown” sendiri. Kekal di rumah dan amalkan gaya hidup sihat bersama keluarga dalam lingkungan kawasan rumah sendiri. Terima kasih.

#StaySafeStayHome

#AmalkanKawalanKendiri

**YB DATO' SERI ISMAIL SABRI YAAKOB
MENTERI KANAN PERTAHANAN**